



**JABATAN KERAJAAN TEMPATAN**  
**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
Aras 25-29, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62100 PUTRAJAYA,  
MALAYSIA.

Telefon : 603-8891 5000  
Faksimile : 603-8891 3090  
Laman Web : <http://jkt.kpkt.gov.my>

Ruj.Kami : JKT.KS.1400-2 Klt.4 (48)  
Tarikh : 19 November 2021

### EDARAN MELALUI PORTAL JKT:


Semua Datuk Bandar/Yang Dipertua/Pengerusi  
Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

### SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA SEHINGGA MINGGU EPID 44/2021 (31 Oktober hingga 6 November 2021)

Dengan segala hormatnya saya diarahkan merujuk kepada perkara di atas.

- Untuk makluman YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan, berdasarkan data Kementerian Kesihatan Malaysia pada minggu epid 44/2021, sebanyak **394 kes** Demam Denggi dan 1 kes kematian dilaporkan, iaitu berlaku penurunan kes sebanyak **5 kes (1.3%)** berbanding minggu epid 43/2021 iaitu **399 kes** dengan tiada kes kematian dilaporkan. Secara kumulatifnya, kes denggi yang dilaporkan sehingga 6 November 2021 adalah sebanyak **22,101 kes** berbanding **82,753 kes** bagi tempoh yang sama pada tahun 2020, iaitu berlaku penurunan sebanyak **73.3%** (60,652 kes). Perbandingan bilangan kes pada tahun 2020 dan 2021 ditunjukkan di **Lampiran A**.
- Pada **minggu epid 44/2021**, sebanyak **7 lokaliti hotspot aktif** dilaporkan di seluruh negara berbanding **9 lokaliti** pada **minggu epid 43/2021**. Ini menunjukkan **penurunan** sebanyak **22.2% (2 lokaliti)**. Maklumat lokaliti *hotspot* mengikut negeri dan PBT adalah seperti di **Lampiran B**.
- Bagi PBT yang mempunyai lokaliti *hotspot*, aktiviti kawalan sebagaimana dalam Pelan Tindakan Kawalan Denggi PBT di Lokaliti *hotspot* yang disediakan oleh KPKT hendaklah dipertingkatkan dengan memberi tumpuan kepada (5) lima kawasan utama pembiakan aedes seperti taman mainan atau rekreasi, tumpuan awam, tanah atau lot kosong, kilang atau gudang dan tempat pembuangan sampah bagi memastikan wabak denggi dapat dikawal. Selain itu aktiviti promosi kesihatan juga perlu ditingkatkan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang aspek pencegahan dan pengawalan denggi mengikut pematuhan kepada SOP dan arahan MKN.

Ruj.Kami: JKT.KS.1400-2 Klt.4   
Tarikh : 19 November 2021

5. Untuk makluman YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan, situasi semasa Demam Denggi di Malaysia ini juga boleh diakses dan dimuat-turun dari portal rasmi Jabatan Kerajaan Tempatan di alamat <https://jkt.kpkt.gov.my/>.

6. Kerjasama dan komitmen YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan dalam hal ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,




**(OOI POH KEONG)**

Pengarah  
Bahagian Perunding Kesihatan Persekitaran  
b/p: Ketua Pengarah,  
Jabatan Kerajaan Tempatan,  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

s.k: YBhg. Dato' KP/JKT  
TKP(T)/JKT

LAMPIRAN A



**LAMPIRAN B****JUMLAH HOTSPOT AKTIF MINGGU EPID (ME) 43 DAN 44 MENGIKUT NEGERI  
TAHUN 2021**

Bil.	Negeri	Minggu Epid 43		Minggu Epid 44	
		Bil. hotspot	Bil. PBT terlibat	Bil. hotspot	Bil. PBT terlibat
1.	Selangor	5	4	4	4
2.	Wilayah Persekutuan	2	1	2	1
3.	Sabah	2	2	1	1
	<b>JUMLAH</b>	<b>9</b>	<b>7</b>	<b>7</b>	<b>6</b>

**BILANGAN HOTSPOT AKTIF DI NEGERI SELANGOR**

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	ME43/2021	ME44/2021
1.	MP Kajang	2	1
2.	MB Petaling Jaya	2	1
3.	MP Ampang Jaya	1	1
4.	MP Sepang	0	1
	<b>JUMLAH</b>	<b>5</b>	<b>4</b>